



30 atlet galas cabaran Masum – Nur Ekmal

MAJLIS Sukan Universiti Malaysia (Masum) akan menghantar 30 atlet untuk mengambil bahagian pada Temasya Sukan Universiti Dunia yang dijadual berlangsung di Belgrade, Serbia pada 1 hingga 12 Julai ini.

Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Penajaan Masum, Nur Ekmal Buhary (**gambar**) berkata, Masum kini dalam peringkat perbincangan dengan

Kementerian Pengajian Tinggi bagi menentukan jumlah sebenar atlet yang akan dihantar ke temasya tersebut.

“Tidak kurang daripada 30 atlet akan dihantar untuk mewakili negara dan diharap pada kali ini kita mampu memperoleh sekurang-kurangnya satu pingat daripada acara taekwondo,” katanya semalam.

Ketika kejohanan di Bangkok dua

tahun lepas, Malaysia berjaya memperoleh pingat perak menerusi Che Chew Chan dalam acara taekwondo.

“Saya harap Chew Chan mampu perbaiki pencapaiannya pada kali ini,” katanya.

Selain taekwondo, Masum turut meletakkan sasaran pingat bagi acara memanah dan ping pong.

Nur Ekmal berkata, daripada 15 aca-

ra sukan yang dipertandingkan pada kejohanan itu, Malaysia akan mengambil bahagian dalam acara memanah, taekwondo, olahraga, akuatik, karate dan ping pong.

“Saya yakin mereka telah pun bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut kerana majoritinya terdiri daripada atlet elit kebangsaan,” katanya.